



UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER I SESI 2010/2011

NAMA KURSUS : EKONOMI KEJURUTERAAN
KOD KURSUS : BDA 3013
PROGRAM : 3 BDD / 4 BDD
TARIKH PEPERIKSAAN : NOVEMBER / DISEMBER 2010
JANGKA MASA : 2 JAM 30 MINIT
ARAHAN : JAWAB EMPAT (4) DARIPADA
LIMA (5) SOALAN

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI ENAM (6) MUKA SURAT

S1 En. Zuhak akan bersara 20 tahun dari sekarang. Beliau menyimpan wang setiap bulan bermula dari sekarang selama 15 tahun supaya beliau dapat mengeluarkan RM1 000 sebulan untuk sara hidup dan RM2 000 setahun untuk perbelanjaan perubatan selama 10 tahun dalam masa persaraan. Wang sara hidup mula dikeluarkan pada akhir bulan pertama, manakala wang perubatan pada akhir tahun pertama dari tarikh beliau mula bersara. Sekiranya simpanan mendapat faedah 6% setahun dikompaun setiap bulan,

(a) Hitung jumlah wang yang perlu disimpan setiap bulan selama 15 tahun sebelum bersara.

(15 markah)

(b) Sekiranya En Bolah menyimpan wang sebanyak RM 900 setiap bulan selama 15 tahun, berapakah RM dapat dikeluarkan untuk sara hidup setiap bulan selepas bersara.

(10 markah)

S2 Harga sebuah mesin kimpalan adalah RM 55 000. Jadual S2 menunjukkan kos dan nilai sisa bagi mesin tersebut. Jika faedah tahunan adalah 15% : -

(a) Lukiskan gambarajah aliran tunai bagi opsyen perbandingan

(5 markah)

(b) Kirakan AW bagi setiap opsyen perbandingan

(5 markah)

(c) Tentukan hayat servis ekonomi (ESL) mesin

(5 markah)

(d) Lukiskan keluk AW kos modal, AW kos kendalian dan AW kos keseluruhan

(5 markah)

(e) Apakah tujuan mengetahui hayat servis ekonomi sesuatu aset

(5 markah)

Jadual S2 : Kos dan nilai Sisa

Tahun	Kos Kendalian (RM)	Nilai sisa (RM)
1	1 000	19 000
2	2 500	16 000
3	4 000	13 500
4	6 000	11 500
5	8 000	10 000

S3 Syarikat ABC sedang mempertimbangkan untuk menggantikan Bas kilang yang telah digunakan lebih daripada 10 tahun yang menyebabkan kelewatan pekerja akibat rosak. Infomasi mengenai dua model bas baru ditunjukkan dalam Jadual S3. Kadar faedah pinjaman kasar adalah 10% setahun. Tentukan bas mana yang harus dipilih berdasarkan kaedah;

(a) Menggunakan Nisbah faedah kos terubah suai

(8 markah)

(b) Menggunakan nisbah faedah kos tambahan

(7 markah)

(c) Terangkan kesan ke atas keputusan (b) sekiranya inflasi diambil kira

(5 markah)

(d) Adakah keputusan (b) akan berubah sekiranya kadar faedah lebih rendah

(5 markah)

Jadual S3 : Data bas

Kos (RM)	Bas A	Bas B
Pemilikan	80 000	70 000
Penyenggaraan Tahunan	10 000	8 000
Jangka hayat (tahun)	7	7
Nilai Sisa	5 000	5 000
Pengurangan kerugian lewat pekerja setahun	20 000	21 000

S4 Produk jualan utama Syarikat YYZ adalah Minuman A dan Minuman B. Harga jualan Minuman A ialah RM 7 dan Minuman B adalah RM 8. Kos tetap bagi operasi kilang adalah RM 200 sehari bagi minuman A dan RM 300 bagi minuman B. Kos berubah bagi minuman A adalah RM 3/tin, manakala kos berubah bagi minuman B adalah RM 2/tin.

(a) Terbitkan persamaan untuk jumlah kos (TC) minuman A dan minuman B
(5 markah)

(b) Tentukan *breakeven point* bagi minuman A dan minuman B
(5 markah)

(c) Berapakah keuntungan yang dapat sekiranya syarikat tersebut dapat memproses dan menjual 300 tin minuman A dan B dalam satu hari.
(5 markah)

(d) Sekiranya Syarikat tersebut ingin mendapat keuntungan RM 90 000 / bulan (1 bulan = 30 hari), cari kuantiti minuman A dan B yang diperlukan untuk mencapai maklumat tersebut.
(10 markah)

S5 Sebuah syarikat bercadang untuk membeli mesin CNC untuk meningkatkan pengeluarannya. Jadual S5 menunjukkan kos-kos bagi mesin baru yang ingin dibeli.

Jadual S5

Kos	RM
Harga Mesin	400 000
Penyelenggaraan minor/tahun	5 000
Penyelenggaraan major/2 tahun	20 000
Nilai sisa (5 tahun)	50 000

Penggunaan mesin ini boleh meningkatkan pengeluaran produk kepada 3000 unit setahun. Produk ini dijual pada RM 100 seunit dan dijalankan tidak berubah selama 8 tahun. Jika syarikat telah menetapkan setiap perlaburan perlu mendapat kadar pulangan menarik minima (MARR) sebanyak 5% setahun . Cukai tahunan yang dikenakan ialah 15% setahun dan susut nilai dihitung menggunakan kaedah garis lurus;

(a) Hitung susut nilai tahunan

(5 markah)

(b) Hitung dan lukis gambarajah aliran tunai selepas cukai

(8 markah)

(c) Tentukan samada pelaburan ini menguntungkan (menggunakan kaedah nilai kini)

(7 markah)

(d) Terangkan jenis-jenis cukai, tujuan dan contoh

(5 markah)